



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.600-4/1/1 JLD. 20(84 )

Tarikh : 24 November 2023

Pengarah Urusan  
Ardent Educational Consultant Sdn. Bhd.  
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang  
Taman Danau Kota  
53300 Setapak  
Kuala Lumpur

Tuan,

### **PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID PROGRAM KANGAROO MATH COMPETITION 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel daripada pihak tuan bertarikh 21 November 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak tuan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Program Kangaroo Math Competition 2023** yang dilaksanakan pada **18 Mei 2023**.
3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak pengajur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A.
4. Sehubungan dengan itu, pihak pengajur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai pemenang dan peserta yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Dr. Fazura binti Mohd Noor** di talian **03-88721649** atau e-mel **fazura.mohd@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(**ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR**)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**LAMPIRAN A**

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN  
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKUKULUM MURID DALAM  
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM  
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JENIS PELIBATAN**

| JENIS         | TAFSIRAN  |
|---------------|---|
| PELIBATAN I   | Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan           |
| PELIBATAN II  | Pelibatan murid dalam aktiviti seperti:<br>- Jawatankuasa pelaksana<br>- Petugas Teknikal<br>- Persembahan selingan |
| PELIBATAN III | Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya                    |

**SKOR PELIBATAN**

| PERINGKAT                | SKOR        |              |               |
|--------------------------|-------------|--------------|---------------|
|                          | Pelibatan I | Pelibatan II | Pelibatan III |
| Antarabangsa             | 20          | 15           | 10            |
| Kebangsaan               | 17          | 12           | 8             |
| Negeri                   | 14          | 10           | 6             |
| Bahagian (Sabah/Sarawak) | 12          | 9            | 5             |
| Zon/Daerah               | 11          | 8            | 4             |

**SKOR PENCAPAIAN**

| ELEMEN           | PERKARA      | SKOR      |       |            |        |         |
|------------------|--------------|-----------|-------|------------|--------|---------|
|                  |              | PERINGKAT | Johan | Naib Johan | Ketiga | Keempat |
| TAHAP PENCAPAIAN | Antarabangsa | 20        | 19    | 18         | 17     | 16      |
|                  | Kebangsaan   | 17        | 16    | 15         | 14     | 13      |
|                  | Negeri       | 14        | 13    | 12         | 11     | 10      |
|                  | Daerah       | 11        | 10    | 9          | 8      | 7       |
|                  | Sekolah      | 8         | 7     | 6          | 5      | 4       |